



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**MAJLIS PERASMIAN PAMERAN RAHSIA KEBAYA**

**25 OKTOBER, 2023 (RABU)**

**9.30 AM**

**MUZIUM TEKSTIL, KUALA LUMPUR**

Salam Malaysia Madani dan Salam Perpaduan

Mengadap Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor,  
Tengku Permaisuri Hajah Norashikin.

Ampun Tuanku,

1. Terlebih dahulu dengan hormat dan takzimnya, patik bagi pihak sekalian yang hadir, merafak sembah dan menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tengku kerana sudi mencemar duli berangkat hadir bagi menyempurnakan **Majlis Perasmian Pameran Rahsia Kebaya** di Muzium Tekstil Negara pada pagi yang mulia ini.
  
2. Sesungguhnya keberangkatan dan sokongan padu daripada Duli Yang Maha Mulia Tengku untuk majlis ini, patik dan seluruh warga kerja Kementerian Perpaduan Negara dan Jabatan Muzium Malaysia amat menjunjung tinggi dan menghargainya.

Ampun Tuanku,

3. Di kesempatan ini, izinkan patik menyampaikan sepatah dua kata penuh hormat dan takzimnya, patik mohon izin dan perkenan Duli yang Maha Mulia Tuanku untuk menyampaikan sepatah dua kata kepada para hadirin yang turut menyerikan majlis ini.

**Menjunjung kasih Tuanku.**

### **SALUTASI**

*\*Disediakan secara berasingan*

Ampun Tuanku,

### **PENDAHULUAN**

4. Syukur kepada Tuhan kerana kita diberi kesempatan berhimpun di Muzium Tekstil Negara bagi meraikan **Majlis Perasmian Pameran Rahsia Kebaya** yang dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menerusi Jabatan Muzium Malaysia (JMM).

- 
- 
- 
- 
- 
5. Pameran Rahsia Kebaya ini merupakan salah satu pameran sementara di Muzium Tekstil Negara yang mempamerkan keunikan, keanggunan dan kepelbagaian busana kebaya yang menjadi identiti nasional rakyat Malaysia. Pameran ini dibuka kepada orang ramai bermula pada **19 Oktober sehingga 31 Disember 2023** bertempat di **Galeri Saindera, Muzium Tekstil Negara.**
6. Pameran ini secara eksklusif memperagakan **sebanyak 60 koleksi baju kebaya iaitu 42 milik Jabatan Muzium Malaysia dan 18 pinjaman koleksi rakan-rakan kerjasama** pameran ini. Koleksi pinjaman luar ini antaranya daripada:
  - Istana Perlis (DYTM Tuanku Raja Puan Muda)
  - Istana Selangor (Tengku Permaisuri Selangor)
  - Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
  - Galeri Diraja Tuanku Ja'afar
  - Lembaga Muzium Negeri Kedah
  - Lembaga Muzium Negeri Perak
  - Puan Zubaidah Sual
  - Encik Ahmad Nasrun Nazarudin
  - Encik Tan Chai Cheng
  - Marina Linda Danker

- Kebaya Pramugari MAS Airlines
  - Arkib Negara Malaysia
  - Couture Classic
7. Dalam pameran ini terdapat **lima (5) segmen utama** mengenai keunikan kebaya yang merangkumi:
- Kebaya Warisan Dulu, Kini & Selamanya
  - Potongan Gaya Kebaya
  - Kelengkapan Berkebaya
  - Kelestarian Kebaya
  - Kebaya di Mata Dunia
8. Selain itu, turut disemarakkan lagi dengan penganjuran beberapa program dan aktiviti sepanjang pameran ini berlangsung. Antaranya;
- Bicara@Muzium
  - Perkongsian ilmu Rekreasi Pakaian Tarian Kebaya
  - Ronggeng Berkebaya
  - Si Cilik Berkebaya
  - Origami Kebaya
  - DIY Kerongsang Kebaya

9. Justeru, pameran ini diharapkan dapat menjadi **medium terbaik untuk menyebarluaskan ilmu pengetahuan mengenai baju kebaya** dan bermanfaat sebagai rujukan kepada generasi kini dan akan datang.

Ampun Tuanku, Hadirin yang saya hormati sekalian,

### **BAJU KEBAYA SEBAGAI WAHANA PERPADUAN DAN IDENTITI NEGARA**

10. **Baju kebaya merupakan antara pakaian kebangsaan rakyat Malaysia yang menjadi identiti nasional negara.** Busana ini telah dipakai sejak dahulu lagi dan kekal relevan sehingga ke hari ini sebagai warisan budaya turun-temurun yang menjadi kebanggaan rakyat negara ini. Malah, busana ini juga menjadi medium menyatupadukan kaum dan integrasi sosial menerusi budaya dan warisan yang dikongsi bersama.
11. **Walaupun fesyen moden mendominasi pentas peragaan Malaysia dan antarabangsa tetapi keunikan baju kebaya tetap menyerlahkan identiti Malaysia yang tidak lapuk dek zaman.** Kini sudah tiba masanya untuk negara kita

dikenali melalui aspek budaya dan warisan khususnya menerusi imej pakaian tradisional seperti baju kebaya.

12. Untuk makluman semua, Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan **inisiatif “Ini Warisan Kita”** yang bertujuan bagi melestarikan perpaduan dengan meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum mengenai khazanah warisan negara.
13. Pelaksanaan pameran ini adalah sebahagian manifestasi komitmen kementerian ke arah mencapai matlamat tersebut. Saya yakin bahawa pengajuran pameran seumpama ini dapat dijadikan sebagai satu platform untuk kita mendidik masyarakat khususnya generasi muda tentang keunikan dan keindahan baju kebaya Malaysia yang dipakai oleh masyarakat berbilang kaum.

Ampun Tuanku, Hadirin yang dihormati sekalian,

## **PENCALONAN KEBAYA BERSAMA KE UNESCO**

14. Antara objektif pameran ini diadakan bertujuan untuk mendukung peranan dan usaha kerajaan dalam mengangkat dan memartabatkan **baju kebaya di bawah Senarai Nilai Budaya Warisan Kemanusiaan ke peringkat Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO)**.
15. Pencalonan baju kebaya ini disertai oleh lima buah negara iaitu **Brunei, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand sebagai Pencalonan Kebaya Bersama**.
16. Proses dan perjalanan Pencalonan Kebaya Bersama ini sebenarnya telah bermula sejak bulan Januari 2022 yang lalu. Akhirnya, borang pencalonan Kebaya Bersama ini telah dimurnikan dan dihantar ke UNESCO pada bulan Mac 2023. Keputusan bagi pencalonan ini akan dimuktamadkan dalam **Sesi ke-19 Intergovernmental Committee for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage** pada tahun **2024** nanti.

17. Harapan kita semua agar Pencalonan Kebaya Bersama ini berjaya diiktiraf, sekali gus dapat mempromosi dan meraikan kekayaan warisan sejarah yang dikongsi bersama serta menggalakkan persefahaman silang budaya antara negara terlibat.

Ampun Tuanku, Hadirin yang dihormati sekalian,

#### **PERANAN MUZIUM MEMELIHARA KHAZANAH NEGARA DAN MEDIUM PERPADUAN**

18. Institusi permuziuman di negara ini memainkan peranan penting dalam menyimpan dan menjaga khazanah sejarah, material budaya dan alam semulajadi negara. Seiring dengan peredaran zaman, fungsi muzium semakin berkembang sebagai pusat pendokumentasian dan penyebaran ilmu pengetahuan melalui perlaksanaan pameran di peringkat tempatan dan antarabangsa.
19. Bagi menjadikan institusi muzium kekal signifikan dan relevan sehingga kini, Jabatan Muzium Malaysia sentiasa responsif dengan isu-isu semasa dengan bertindak sebagai **medium**

**pembangunan negara bangsa (*nation building*) dan perpaduan masyarakat.**

20. Saya sentiasa menyambut baik dan menyokong penuh usaha yang dilaksanakan oleh Jabatan ini demi memelihara, memulihara dan melestarikan sejarah dan warisan budaya negara kita agar dapat difahami, dihayati dan dilihat oleh generasi akan datang.

Ampun Tuanku, Para hadirin yang saya muliakan,

## **PENUTUP**

21. Saya berharap agar pameran ini akan mendapat perhatian dan sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat terutamanya generasi muda serta mampu menarik lebih ramai pengunjung ke muzium. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, terimalah serangkap pantun;

*Baju kebaya cantik menawan,  
Hiasan kerongsang tampil berseri,  
Bersama kita menjunjung warisan,  
Sebagai khazanah Malaysia MADANI.*

Ampun Tuanku,

22. Sekian sahaja sembah ucapan patik. Akhir kata, patik mewakili seluruh warga Kementerian Perpaduan Negara khususnya Jabatan Muzium Malaysia ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga sekali lagi kepada Duli yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi mencemar duli berangkat hadir ke majlis ini.

Sekian, terima kasih.